

# **Negeri Sembilan pulihkan 20 hektar tanah terbiar di Gemas untuk tanaman padi**

Oleh Mohd Amin Jalil - Oktober 12, 2023



Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Seremban : Seluas 20 hektar tanah terbiar di Kampung Londah, Gemas, Tampin, dekat sini, akan dijadikan kawasan tanaman padi yang baharu di Negeri Sembilan.

Exco Kanan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata langkah itu diambil sebagai usaha jangka panjang dalam menangani isu kekurangan beras.

Katanya, sebelum ini, beberapa langkah jangka panjang sudah diambil, terutama dari segi pembangunan tanah sawah yang merangkumi pembaikan infrastruktur ladang, sistem pengairan, peralatan tanah dan program peningkatan hasil padi.

"Bagi memenuhi keperluan masa hadapan, kita berhasrat untuk memulihkan kawasan sawah terbiar seluas 20 hektar di Kampung Londah bagi tanaman padi," katanya pada sesi pertanyaan lisan, Persidangan Kedua (Perasmian) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan, Mohamad Hanifah Abu Baker (PN-Labu) mengenai perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang berkaitan usaha menanam padi untuk menambah bekalan beras di negeri ini.

Jalaluddin (BN-Pertang) berkata, ketika ini kawasan penanaman padi di Negeri Sembilan membabitkan seluas 1,200 hektar namun ia belum mampu menampung keperluan makanan ruji itu di negeri ini.

"Secara keseluruhannya kita memerlukan sekitar 300 hektar lagi untuk melengkapkan 1,500 hektar selaras dengan hasrat mewujudkan sebuah kilang memproses padi," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa secara keseluruhan, sebanyak 3,500 tan beras sebulan diperlukan di negeri ini.

Sehubungan itu pihaknya meminta pengguna tidak perlu menyimpan stok beras kerana bekalan sentiasa ada.

"Setakat ini kerajaan negeri memberi jaminan beras putih tempatan mencukupi dan akan berusaha memastikan stok sentiasa ada," katanya.

-Berita Harian